

NO. SOALAN: 28

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATIN MASTURA BINTI MOHD YAZID
[KUALA KANGSAR]**

TARIKH : 24 OKT 2017

RUJUKAN : 10257

SOALAN:

Datin Mastura Binti Mohd Yazid [Kuala Kangsar] minta MENTERI DALAM NEGERI menyatakan berapa ramai yang telah menggunakan aplikasi penggunaan Volunteer Smartphone Patrol (VSP) dan keberkesanannya bagi menyalurkan maklumat jenayah, bencana dan aduan selain menjadi medium rakan atau sahabat kepada Polis Diraja Malaysia (PDRM).

JAWAPAN:

Tuan Yang Dipertua,

Volunteer Smartphone Patrol (VSP) yang diperkenalkan pada 25 Mac 2017 merupakan inisiatif baru Polis Diraja Malaysia (PDRM) dalam mewujudkan kolaborasi dan kerjasama strategik mencegah jenayah bersama masyarakat tempatan sebagai mata dan telinga pihak polis. Jika dahulu masyarakat hanya boleh melaporkan jenayah melalui **hotline PDRM** dan perkhidmatan pesanan ringkas (SMS) namun melalui VSP masyarakat boleh menyalurkan maklumat atau aduan yang dilengkapi dengan elemen multimedia seperti gambar, video dan koordinat GPS lokasi kejadian. VSP juga merupakan satu program di bawah **National Blue Ocean Strategy (NBOS)** dan PDRM telah dilantik oleh Kerajaan sebagai agensi pelaksana program ini, manakala Jabatan Pencegahan Jenayah dan Keselamatan Komuniti (JPJKK) pula sebagai “*Initiative Owner*”.

Sehingga kini, seramai 780,000 orang telah mendaftar sebagai pengguna VSP di seluruh negara. Sebanyak 16,913 aduan dan maklumat telah diterima oleh PDRM di seluruh negara sehingga 13 Oktober 2017 meliputi pelbagai kategori seperti:

- i) aduan yang perlu tindakan segera diambil;
- ii) aduan yang memerlukan siasatan lanjut dibuat; dan
- iii) aduan yang tidak perlu sebarang tindakan diambil.

PDRM akan terus berusaha untuk menarik minat masyarakat bagi menyertai program ini dan bersama-sama memanfaatkan aplikasi VSP atas prinsip keamanan dan kesejahteraan negara sebagai tanggungjawab bersama.